

PERKEMBANGAN SEKTOR PERNIAGAAN DI PUSAT BANDAR KULIM - SATU KAJIAN
UNTUK MENINJAU PEMBANGUNAN BANDAR KULIM

HGL 409 - LATIHAN ILMIAH

DIAJUKAN KEPADA BAHAGIAN GEOGRAFI, PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIA-
AN, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA SASTERA (GEOGRAFI) DENGAN
KEPUJIAN.

OLEH

GUI YIAK SENG

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

SIDANG 1985/1986

PRAKATA

Kursus Latihan Ilmiah ini adalah kursus yang bercorak penyelidikan di Peringkat 400 (peringkat Tahun Empat atau Tahun Akhir pengajian di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan) yang memerlukan kajian asli oleh para pelajar secara perseorangan. Ia adalah merupakan kursus perlu dalam bidang major Geografi kecuali penuntut Kemanusiaan Luar Kampus dan Kemanusiaan Dengan Pendidikan.

Asas falsafah Latihan Ilmiah ini ialah untuk memberi pengetahuan yang lebih mendalam dalam sesuatu bidang pengajian seseorang penuntut. Penawaran kursus ini adalah bertujuan memberi lebih kebebasan kepada pelajar menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang yang diajar. Memandangkan bahawa Latihan Ilmiah melibatkan kajian asli dengan penyungkilan pelbagai bahan baru, maka adalah diharapkan ia dapat menyungkil kebolehan pelajar menyampaikan buah fikiran dengan terang, padat dan teratur melalui penggunaan teknik-teknik penyelidikan dengan cara ilmiah dan berkesan.

PENGHARGAAN

Dalam menjayakan usaha-usaha penyelidikan dan seterusnya penulisan Latihan Ilmiah ini, saya merasa amat terhutang budi kepada pihak-pihak tertentu kerana sumbangan yang diberikan. Menerusi ruangan ini, ingin sekali saya sampaikan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Norizan Bin Md. Nor yang telah menyelia Latihan Ilmiah ini dan juga atas bantuan, tunjukajar dan nasihat yang diberikan. Di samping itu, beliau juga telah memberikan kritikan-kritikan yang membina terhadap draf awal tulisan ini. Pandangan serta kritikan beliau telah membantu saya menyempurnakan tulisan Latihan Ilmiah ini.

Dalam menjalankan kajian, saya amat terhutang budi kepada pegawai-pegawai yang bertugas di Majlis Daerah Kerajaan Tempatan, Kulim; Pejabat MARA Daerah Kulim/Bandar Baru; Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Daerah Kulim; Persatuan-Persatuan Perniagaan serta para peniaga di Bandar Kulim atas kerjasama dan bantuan yang diberikan kepada saya. Kepada mereka dan juga orang-perseorangan yang terlibat secara langsung dalam kajian ini, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan terima kasih saya kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan-kakitangan Bahagian Geografi serta rakan-rakan saya yang telah banyak memberi bantuan dan nasihat kepada saya sepanjang penyelidikan dan penulisan Latihan Ilmiah ini.

Gui Yiak Seng

ABSTRAK

Sejak 1948, proses perbandaran nasional telah dipertingkatkan akibat berlakunya Darurat dan kemudiannya bertujuan menyerap sebahagian besar daripada penduduk yang berpindah ke kawasan bandar. Dengan perlaksanaan Rancangan-Rancangan Malaysia amnya dan Dasar Ekonomi Baru khasnya, strategi perbandaran yang dijalankan lebih bertujuan untuk mencapai matlamat DEB, iaitu penyusunan semula masyarakat melalui pertumbuhan aktiviti-aktiviti bandar yang lebih pesat dan seimbang serta menggalakkan penglibatan kaum Bumiputra dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

Adalah satu realiti bahawa proses perbandaran negara ini adalah tidak seimbang di mana adanya kecenderungan daripada bandar-bandar besar dan baru untuk menguasai perkembangan, sehingga bandar-bandar kecil sukar untuk berkembang. Akan tetapi, usaha-usaha dalam membangunkan kedua-dua bandar besar dan bandar baru tidak pula bebas daripada masalah-masalah yang tertentu hingga menyebabkan sebahagian dari matlamat yang ditetapkan tidak tercapai. Memandangkan pencapaian matlamatnya yang kurang memuaskan disertai pula ke-sedaran bahawa pusat-pusat bandar dapat memainkan peranan penting dalam mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan wilayah, perhatian telah dialihkan kepada bandar-bandar kecil yang sedia ada. Keinginan serta usaha kerajaan dalam membangunkan bandar-bandar kecil memang tidak dapat dinafikan. Namun demikian, adanya kesan-kesan yang menunjukkan bahawa pembangunan yang dialami oleh bandar-bandar kecil adalah perlahan, jauh daripada apa yang diha^ajatkan oleh kerajaan.

Kajian ini bertujuan melihat perkembangan sektor perniagaan di pusat Bandar Kulim demi menilai pembangunan yang dialami oleh bandar tersebut. Kedua-dua proses perkembangan sektor perniagaan dan pembangunan bandar mempunyai hubungan yang sejajar di mana

kemajuan bandar pasti akan diikuti oleh perkembangan sektor ekonominya. Satu analisis yang menyeluruh ke atas prestasi para peniaga di Bandar Kulim dilakukan untuk memastikan masalah-masalah yang membantut perkembangan sektor ekonomi khasnya dan pembangunan Bandar Kulim pada amnya.

Beberapa cadangan yang difikir sesuai dan munasabah juga dikemukakan supaya bandar-bandar kecil yang sedia ada dapat dibangunkan dengan penglibatan kos yang paling minima. Penilaian strategi perbandaran juga dikemukakan dengan harapan dapat mengemukakan beberapa parameter untuk mengarah dan mengawal proses perbandaran yang dijangka akan bertambah pesat dari semasa ke semasa. Di samping itu, dirasakan perlunya satu polisi perbandaran yang lebih menyeluruh untuk mengawal pertumbuhan bandar-bandar besar yang keterlaluan manakala pembangunan bandar-bandar baru pula perlu menuruti beberapa keperluan bagi mengelakkan berlakunya masalah-masalah tertentu. Di samping itu, bandar-bandar kecil yang sedia ada perlu diberikan perhatian yang lebih memandangkan peranannya dalam pembangunan sosio-ekonomi adalah begitu penting sekali. Penyamaan tempo dan skil pembangunan bandar-bandar, tidak kira apa juga saiznya akan dapat mengatasi pembangunan wilayah yang tidak seimbang di seluruh negara.

ABSTRACT

Since 1948, the urbanization process has gained rapid momentum due to the Emergency and lately, the process aims at accommodating the rapid migration of people. With the implementation of the Malaysian Plans and the New Economic Policy, urbanization policies are geared more towards the achievement of the objectives of NEP, i.e. the restructuring of society through the growth of rapid and balanced urban activities and the encouragement of more Bumiputras to involve in the commercial and industrial sectors.

It is a fact that the urbanization process has not been able to produce a balanced society economically, i.e. big towns and new towns tend to develop at a much faster rate than smaller ones. Efforts to develop both big towns and new towns are met with certain problems that hamper the achievement of the urbanization process and its subsequent failure in achieving certain objectives. Based on this poor achievement of the objectives of urbanization and the realization of the role that towns can play in reducing the unbalanced growth of regions, attention has been shifted to small towns. The fact that the Government has tried to develop small towns is undeniable. But it has been found that the development achieved so far is slow and does not match the amount of effort put in.

This study aims to look and evaluate the growth of the commercial sector and the development of Kulim Town as a whole. The process of development in both the commercial and town areas are inter-related, i.e. the development of a town is followed by the expansion of its economy. Therefore, an analysis is conducted to identify the obstacles that have been slowing down the progress of development in both areas.

Several rational suggestions has been put forward to develop existing small towns that involve the least cost. The national urbanization strategies are also evaluated to help in the formation of guidelines for the rapid urbanization process. Besides, it is felt that there is a need of an overall urbanization policy to control the size of big towns while new and up-coming towns are required to follow certain developmental guidelines to avoid any future problems. It has been felt that existing small towns should be given special attention for its role in the development of the social-economic sectors of the country. The coordination of the tempo and scale of town development, irrespective of size will be able to solve the problem of unequal regional development throughout the country.